



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

TALIAN KASIH 15999 MEWUJUDKAN TALIAN KHAS KAUNSELING COVID-19

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memaklumkan inisiatif baru yang telah diwujudkan bagi memberi sokongan psikologi kepada semua masyarakat yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan yang kini telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020. Talian Khas Kaunseling Covid-19 diwujudkan melalui Talian Kasih 15999 dan Whatsapp Talian Kasih 019 26 15999.

Talian Khas Kaunseling atau perkhidmatan tele-kaunseling ini melibatkan seramai 528 kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara. Pemanggil yang memerlukan perkhidmatan tele-kaunseling akan dipanjangkan kepada pegawai kaunselor yang berdekatan bagi membincangkan masalah yang dihadapi berkaitan COVID-19 dan kesan Perintah Kawalan Pergerakan. Ini bagi memastikan kesihatan mental rakyat Malaysia sentiasa ditahap yang stabil.

Talian Khas Kaunseling COVID-19 ini dibuka kepada mangsa COVID-19, waris mangsa COVID-19, petugas pusat kuarantin, hospital dan lain-lain individu yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan. Kementerian menyarankan supaya mereka yang berhadapan dengan tekanan akibat situasi COVID-19 menghubungi Talian Kasih dengan kadar segera agar kementerian dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Perkongsian masalah dan khidmat tele-kaunseling diharapkan dapat membantu semua lapisan masyarakat kanak-kanak, wanita, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) bagi mengelakkan lain-lain masalah sosial seperti penderaan dan keganasan rumah tangga dalam masyarakat berlanjutan sehingga boleh meningkatkan pelbagai risiko keselamatan. Talian Khas Kaunseling COVID-19 ini boleh dihubungi di Talian Kasih 15999 serta talian whatsapp 019 -26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi selama 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

###

DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
26 MAC 2020